

D271

U B689 AAB
MAHATHIR - GRAN R'R'R'

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGECEM KONGRES AMERIKA SYARIKAT KERANA MAHU MEMBERHENTIKAN BANTUAN LATIHAN KETENTERAAN KEPADA MALAYSIA DAN MENYIFATKANNYA SEBAGAI +DERAAN EKONOMI+.

INI MENUNJUKKAN AMERIKA SYARIKAT TIDAK PERNAH TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP NEGARA KECIL, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENUTUP KEJOHANAN BINA BADAN AMATUR DUNIA, MR UNIVERSE KE-44, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENGULAS LAPORAN AKHBAR HARI INI YANG MENYATAKAN KONGRES AMERIKA SYARIKAT MAHU MEMBERHENTIKAN BANTUAN ITU BERJUMLAH \$2.7 JUTA (AS \$1 JUTA) KEPADA MALAYSIA KONONNYA KERANA MENOLAK MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA PELARIAN VIETNAM.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU DUKACITA KERANA AMERIKA SYARIKAT TIDAK BERBUAT APA-APA TERHADAP NEGARA YANG BERTINDAK LEBIH BURUK SEPERTI MEMBUNUH 21 RAKYAT PALESTIN.

MALAHAN AMERIKA SYARIKAT JUGA PERNAH MENGHALAU ORANG DARI MEXICO DAN HAITI DARIPADA MASUK KE NEGARA ITU, KATANYA. -- LAGI
2108MST 28 10 90
D272

U B690 AAB
MAHATHIR - GRAN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

+TETAPI NAMPAK... OLEH KERANA MEREKA KUAT DAN KITA LEMAH, MEREKA TIDAK SEGAN-SEGAN UNTUK KETUK KEPALA KITA+, KATANYA.

KATANYA, PERKARA ITU MENUNJUKKAN, YANG KUAT BOLEH BERBUAT APA SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEBENARNYA MALAYSIA TIDAK PERLU KEPADA WANG SEBANYAK ITU KERANA APA YANG DIPERLUKAN IALAH PENGETAHUAN.

+KALAU MEREKA TIDAK SUKA MEMBERI, OKAY ... ,+ TAMBAHNYA.

PADA MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PEMENANG-PEMENANG BAGI KATEGORI HEAVYWEIGHT DAN MIDDLEWEIGHT.

PRESIDEN PERSEKUTUAN BINA BADAN ANTARABANGSA, BEN WEIDER TURUT MENYAMPAIKAN ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG KEPADA PERDANA MENTERI KERANA SUMBANGAN CEMERLANGNYA KEPADA PERKEMBANGAN SUKAN ANTARABANGSA.

SEBANYAK 185 PESERTA DARI 70 NEGARA MENYERTAI KEJOHANAN LIMA HARI ITU.

-- BERNAMA
2110MST 28 10 90